



14 DEC, 2022

## Syarikat pemula niaga asing perlu digandakan

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

## Syarikat pemula niaga asing perlu digandakan

**KUALA LUMPUR** - Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) menyasarkan menarik lebih banyak syarikat pemula niaga asing ke negara ini menerusi inisiatif rakan dana pada masa depan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Shahril Hasan Aziz berkata, MAVCAP telah bertindak mempermudah kemasukan dua firma modal teroka global (VC) ke Asia Tenggara menerusi Malaysia.

"Kami mahukan pergerakan tenaga kerja dan orang ramai dalam memastikan kepelbagaian ekosistem syarikat permulaan tempatan tersedia apabila lebih banyak syarikat sedemikian masuk ke Malaysia," katanya pada sesi perbincangan pertama MAVCAP dengan penggiat industri di sini pada Selasa.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), MAVCAP telah diperuntukkan kira-kira RM400 juta dalam tempoh lima tahun bagi menyokong lebih 40 syarikat pemula niaga.

Malah, pada tahun ini, MAVCAP telah menyokong sembilan syarikat melalui pembiayaan rakan dana.

"MAVCAP mempunyai mandat jelas mengenai (kaedah) pembahagian dana yang disalurkan oleh kerajaan dan keutamaan kami adalah dana pembangunan serta dana komersial," katanya. *-Bernama*



**SHHRIL HASAN**



14 DEC, 2022

## Syarikat pemula niaga asing perlu digandakan

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) menasarkankan menarik lebih banyak syarikat pemula niaga asing ke negara ini menerusi inisiatif rakan dana pada masa depan. Ketua Pegawai Eksekutif, Shahril Hasan Aziz berkata, MAVCAP telah bertindak mempermudah kemasukan dua firma modal teroka global (VC) ke Asia Tenggara menerusi Malaysia.